

17 SEP 1998

SOKONGAN UMNO BAHAGIAN RAUB KEPADA PERDANA MENTERI

KUANTAN, 17 Sept (Bernama) -- Umno Bahagian Raub hari ini menyatakan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri dan Presiden Umno.

Ketua Umno Bahagian Raub, Datuk Shahiruddin Moin berkata keputusan sebulat suara itu dicapai pada mesyuarat anggota jawatankuasa Umno bahagian itu baru-baru ini.

Dalam suratnya kepada Perdana Menteri, beliau berkata Umno Bahagian Raub juga memberi sokongan penuh kepada Dr Mahathir dan Majlis Tertinggi Umno yang mengambil keputusan memecat bekas Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada semua jawatannya dalam parti dan kerajaan.

"Umno bahagian juga menyokong penuh sebarang tindakan yang telah dan akan diambil oleh kerajaan dalam usaha menangani kemelut ekonomi negara," katanya.

Surat berkenaan turut ditandatangani oleh kesemua 26 anggota jawatankuasa Umno bahagian Raub dan salinannya juga dihantar kepada Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob.

-- BERNAMA

ROS PR